

26 OCT 1997

Guru-Rasuah

NUTP AKAN TEMUI BPR UNTUK ATASI MASALAH RASUAH DI KALANGAN GURU

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Kesatuan Profesion Perguruan Kebangsaan (NUTP) akan mengadakan pertemuan dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) selewat-lewatnya akhir tahun ini bagi membincangkan langkah yang perlu diambil untuk mengatasi kes rasuah di kalangan guru besar dan guru.

Setiuasaha Agung NUTP Siva Subramaniam berkata kesatuan itu juga berhasrat mengadakan beberapa siri dialog dengan BPR selain bertemu Ketua Pengarahnya Datuk Shafee Yahaya.

"Kita ingin tahu apakah yang boleh dilakukan NUTP bagi membantu BPR membasmi rasuah di kalangan guru dan guru besar," katanya ketika ditemui selepas perhimpunan masyarakat India bagi menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun menjelaskan hanya segelintir daripada 70,000 guru di negara ini terlibat dalam kes rasuah.

Menurut beliau antara kes menyalahguna kuasa yang dikenal pasti berlaku di kalangan pentadbir sekolah adalah penjualan barangan keperluan sekolah dengan harga lebih mahal, penyediaan senarai buku tanpa nama penerbit, membeli barangan di kedai yang memberi habuan kepada mereka serta mengambil keputusan penting tanpa berbincang dengan para guru.

"Terdapat juga guru besar yang menyerahkan bulat-bulat hal kewangan kepada kerani dan ini membolehkan penyelewengan berlaku," katanya.

Sehubungan itu beliau mencadangkan jawatankuasa kewangan ditubuhkan di setiap sekolah untuk menguruskan dan mengawasi perjalanan urusan kewangan di sekolah terbabit.

Mengenai kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn semalam bahawa tidak terdapat sebarang kesalahan dalam kertas peperiksaan UPSR baru-baru ini, Subramaniam berkata ia sepatutnya diselidiki terlebih dahulu sebelum kenyataan dikeluarkan.

"Kita mahu pastikan tiada kecacatan dalam kertas peperiksaan negara ini," katanya yang turut berharap Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak menyiasat perkara tersebut.

Menurut beliau, ibubapa dan guru sebenarnya ingin tahu apakah objektif di sebalik soalan yang mengelirukan pelajar tahap enam itu dibuat.

"Sekurang-kurangnya kita mahu tahu sama ada ia dibuat untuk menguji kefahaman ataupun kebijaksanaan pelajar," katanya. -- BERNAMA

HJ oba